



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil. 32 / 2020

PELETAKAN JAWATAN DATUK AZHAR AZIZAN HARUN SEBAGAI PENERUS SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA (SPR)

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) memaklumkan bahawa YBhg Datuk Azhar Azizan Harun telah meletak jawatan sebagai Pengerusi SPR berkuat kuasa pada **29 Jun 2020**.
2. Peletakan jawatan ini telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan dimaklumkan melalui surat Istana Negara bertarikh **30 Jun 2020**.
3. Selaras dengan Perkara 114 (7) Perlembagaan Persekutuan, Dr. Azmi Sharom, selaku Timbalan Pengerusi SPR akan menjalankan tugas-tugas Pengerusi SPR sehingga pelantikan pengerusi SPR yang baharu.
4. SPR mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YBhg Datuk Azhar

Azizan Harun, atas segala sumbangan dan khidmat bakti beliau sebagai Pengerusi SPR.

Sekian dan terima kasih.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

Tarikh : 9 Julai 2020 / 17 Zulkaedah 1441H